

24 JUL 2000

MICHAEL TOYAD WAKILI MALAYSIA PADA UPACARA PELANTIKAN FUJIMORI

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Timbalan Menteri Luar, Datuk Leo Michael Toyad akan mewakili Malaysia pada upacara pelantikan Alberto Fujimori sebagai Presiden Peru pada 27-28 Julai.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, semasa di Lima, Toyad juga akan berbincang dengan pihak-pihak berkenaan di negara itu tentang usaha mempertingkatkan lagi hubungan antara kedua-dua negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah menghantar perutusan tahniah kepada Fujimori sempena pemilihan semulanya bulan lepas.

-- BERNAMA
HIS AHH NMO